| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | KERTAS JERAMI | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 19 Jan 2016 | Color | Full Color |
| Section | Variasi | Circulation | 1,270,667 |
| Page No | V1,V3 | Readership | 3,812,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 805 cm² |
| Journalist | Mohamad Hussin | AdValue | RM 31,591 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 94,773 |




# KERTAS JERAMI

Dihasil melalui proses mekanikal, kimia

▹▹ 3




Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | KERTAS JERAMI | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 19 Jan 2016 | Color | Full Color |
| Section | Variasi | Circulation | 1,270,667 |
| Page No | V1,V3 | Readership | 3,812,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 805 cm² |
| Journalist | Mohamad Hussin | AdValue | RM 31,591 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 94,773 |




## *Boleh dijadikan produk seperti beg, penanda buku, kad nama*

**Oleh Mohamad Hussin**
mohamad_hussin@hmetro.com.my

Biasanya jerami padi akan dibakar atau dibuang begitu saja tanpa dimanfaatkan sepenuhnya. Malah, segelintir petani mengganggap ia 'sampah' yang perlu dibuang.

Namun jangan terkejut jerami boleh dijadikan produk sampingan untuk menambah pendapatan.

Ini berikutan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) berjaya menghasilkan kertas daripada jerami padi untuk dijadikan produk kraftangan.

Pegawai Penyelidik Kanan FRIM Dr Rushdan Ibrahim berkata, kertas daripada jerami padi boleh dijadikan produk seper ti beg, penanda buku, kad nama dan sebagainya.

Beliau berkata, hasil penyelidikan, kertas ini dibuat daripada pulpa jerami yang dihasilkan melalui proses mekanikal dan kimia.

"Pulpa jerami dicampur serta ditambah dengan kanji untuk menguatkan dalaman kertas berkenaan bagi mengurangkan penyerapan air.

"Kertas yang dihasilkan akan diseterika un-

Powered by: isentia

| Headline | KERTAS JERAMI | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 19 Jan 2016 | Color | Full Color |
| Section | Variasi | Circulation | 1,270,667 |
| Page No | V1,V3 | Readership | 3,812,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 805 cm² |
| Journalist | Mohamad Hussin | AdValue | RM 31,591 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 94,773 |

tuk menghilangkan kedut yang berlaku akibat pengecutan sewaktu pengeringan.

"Kertas ini juga dikalendarkan bagi meratakan permukaan supaya percetakan yang baik dapat dilakukan," katanya ketika ditemui sempena Hari Terbuka Inovasi FRIM 2015 di Kepong, baru-baru ini.

Menurutnya, terdapat empat proses utama inovasi ini dihasilkan, antaranya penyediaan bahan mentah, pemulpaan, penyediaan stok dan pembuatan kertas.

"Proses pertama ialah penyediaan bahan mentah iaitu jerami padi dan bahan kimia dikumpulkan dan disediakan sebelum dipotong dan dibasuh.

"Jerami yang siap dipotong kemudian dijemur menjadi pulpa iaitu kumpulan gentian untuk pembuatan kertas. Pemulpaan ini dilakukan melalui dua proses iaitu mekanikal dan kimia.

"Sifat kertasnya juga mestilah kuat dan tahan beban selain tidak mudah koyak apabila terkena air," katanya.

Dr Rushdan pernah memenangi Anugerah Terbaik dan Pingat Emas sempena Pertandingan Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2015.



BAHAN yang digunakan untuk menghasilkan produk kraftangan.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | KERTAS JERAMI | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 19 Jan 2016 | Color | Full Color |
| Section | Variasi | Circulation | 1,270,667 |
| Page No | V1,V3 | Readership | 3,812,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 805 cm² |
| Journalist | Mohamad Hussin | AdValue | RM 31,591 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 94,773 |



*TIMBALAN Ketua Pengarah (Penyelidikan) FRIM, Dr Ismail Harun menyampaikan anugerah kepada Rushdan.*

Powered by: isentia

| Headline | KERTAS JERAMI | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 19 Jan 2016 | Color | Full Color |
| Section | Variasi | Circulation | 1,270,667 |
| Page No | V1,V3 | Readership | 3,812,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 805 cm² |
| Journalist | Mohamad Hussin | AdValue | RM 31,591 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 94,773 |




RUSHDAN menunjukkan produk kraftangan menggunakan jerami padi.

Powered by: isentia